



TETAMU melihat aksi robot Putrabot-X yang muncul johan dalam pertandingan Robogamez 2013 di Uniten, Bangi, dekat Kuala Lumpur, semalam.

Putra-X unggul Robogamez

KUALA LUMPUR 24 Feb. - Pasukan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Putra-X berjaya membuktikan kehebatan dalam bidang kejuruteraan robotik selepas muncul johan dalam pertandingan Robogamez 2013 yang berlangsung sejak Jumaat lalu dan berakhir hari ini.

Dalam pertandingan akhir kategori terbuka, Putra-X dengan robotnya, Putrabot-X menewaskan tiga pasukan lain iaitu dua daripada Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dan wakil Universiti Malaya (UM) dalam pertandingan yang diadakan di Uniten dekat sini.

Pasukan tersebut menang dua daripada tiga pusingan sekali gus mengumpul markah tertinggi iaitu sebanyak 450 mata.

Kemenangan itu membolehkan Putra-X membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,500, sijil penyertaan dan piala.

Ketua Pasukan Putra-X, Mohd. Hasimi Mohd. Sidek berkata, kemenangan itu berbaloi selepas

mereka mengambil masa agak lama membuat persediaan bagi menghadapi acara tahunan tersebut.

"Tahun lalu, kami tewas di peringkat akhir dan bersyukur kerana berjaya menebus kekecewaan menjadi johan tahun ini selain turut menggondol Anugerah Kejuruteraan Terbaik," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan itu.

Majlis tersebut disempurnakan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Seri Ir. Azman Mohd..

Pertandingan yang masuk kali ketujuh itu bertujuan menarik minat serta kreativiti generasi muda khususnya dalam bidang inovasi dan teknologi kejuruteraan robotik.

Dianjurkan TNB, pertandingan itu disertai sebanyak 60 pasukan dalam kategori terbuka manakala 50 pasukan daripada sekolah-sekolah menengah seluruh negara.